

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir -IPDM
Sent: 15 Februari 2017 12:15
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Subject: IPDM MENJADI PILIHAN BADAN KORPORAT



15 FEBRUARI 2017 / 18 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



IPDM ONLINE: 14 Tahun penubuhannya, Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM), terus menjadi pilihan badan-badan korporat untuk melebarkan sayap di UUM.

Peluang untuk bekerjasama dengan IPDM UUM amat dinanti-nantikan oleh Pemegang Syarikat Nusantara Technologies Sdn. Bhd., Prof. Dato' Dr. Ghazali Dato' Yusoff. Kunjungan Pertama kali ke IPDM petang semalam disambut mesra oleh Pengarah IPDM, PPjR. Dr Hj Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri.

Prof. Dato' Dr. Ghazali dalam lawatan ke IPDM, menyatakan hasrat untuk menjalinkan kerjasama dengan IPDM dalam beberapa program yang bakal dirancang. Dalam perbincangan bersama Pengarah IPDM, beliau bersetuju untuk menjadi salah seorang penceramah bagi *Leadership Talk* yang akan diadakan tidak lama lagi.

Perbincangan hampir 3 jam itu, lebih bermakna apabila Prof. Dato' Dr. Ghazali dalam perancangan menawarkan biasiswa kepada pelajar Master dan PhD melalui IPDM.

Menurutnya, pemberian biasiswa merupakan satu usaha untuk merapatkan jurang perbezaan dalam pendidikan dan menghapuskan ketidakseimbangan pendidikan antara golongan yang berbeza status sosioekonomi. Beliau berharap biasiswa ini dapat membantu belia yang mempunyai potensi diri yang tinggi dan tidak menjadikan faktor kewangan sebagai alasan untuk tidak menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Dalam ucapan terakhirnya kepada IPDM, beliau mengucapkan terima kasih kepada Pengarah IPDM atas jemputan ke UUM kerana UUM merupakan antara Universiti yang menjadi pilihan, terletak di lokasi yang strategik dan mempunyai fasiliti yang baik.

IPDM juga amat berbesar hati dengan kunjungan dan budi bicara Prof. Dato' Dr. Ghazali.

INSTITUT PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD (IPDM)

Tel: 04-9284845 (Pejabat Am)

Fak : 04-9284842

E-mel: ipdm@uum.edu.my

Laman web: www.ipdm.uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.